



FUNGSI UTAMA PERKHIDMATAN GUNASAMA (BPG)



1 MyGov*NET Connected Government

Memangkin penyampaian perkhidmatan rangkaian kepada agensi dan rakyat melalui:

- MyGov*Net.WAN
- MyGov*Net.PCN
- MyGov*Net.Global
- MyGov*Net.PDSA

2 MyGovUC KOMUNIKASI BERSEPADU


Mengarusperdana pendigitalan melalui perkhidmatan komunikasi bersepadu untuk sektor awam

4 KESELAMATAN DIGITAL



Meningkatkan kawalan dan pematuhan keselamatan maklumat dan keselamatan siber melalui pelaksanaan GPKI, MyDFLAB dan

Menguatkuasa Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854] sebagai Ketua Sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII) Sektor Kerajaan



3 MyGovCloud



- **Memacu** pembangunan Pusat Data, Pusat Pemulihan Bencana dan Perkhidmatan Cloud Computing Sektor Awam



- **Menyediakan** perkhidmatan cloud computing yang cepat, mudah, terkawal dan flexible menerusi Panel Cloud Service Provider (CSP); Microsoft, Google, TM dan AWS



PERKHIDMATAN MyDFLAB



MyDFLAB adalah sebuah makmal digital yang menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur berpusat bagi agensi-agensi sektor awam dalam mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan maklumat digital iaitu berkaitan sanitasi data, pemulihan data logikal dan kemudahan infrastruktur makmal seperti forensik digital

PERKHIDMATAN UTAMA MyDFLAB




MyDFLAB menawarkan perkhidmatan kepada semua agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan



Aras G, Blok B
Bangunan MKN-Embassy Techzone
No.3200, Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Selangor
E-mel: mydflab@jdn.gov.my

JUMLAH ASET/MEDIA STORAN: Sehingga 31 Januari 2025: 7,485 unit

Makmal MyDFLAB telah mula beroperasi pada akhir tahun 2016 dan sehingga Januari 2025, statistik penggunaan perkhidmatan MyDFLAB adalah seperti berikut:





PERKHIDMATAN KESELAMATAN SIBER NCII



NCII National Critical
Information
Infrastructure

KETUA SEKTOR KERAJAAN

JDN sebagai Ketua Sektor Keselamatan NCII Kerajaan menyediakan perkhidmatan keselamatan siber bagi melindungi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan terhadap ancaman siber selaras dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854)



1 Akta 854

Mematuhi keperluan Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854), Peraturan dan Arahan Ketua Eksekutif NACSA berkuat kuasa
26 Ogos 2024



2 Ketua Sektor NCII Kerajaan

Melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Ketua Sektor NCII Kerajaan pada
11 September 2024



3 Entiti NCII Kerajaan

Melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Entiti NCII Kerajaan berkuat kuasa pada
14 Oktober 2024

FUNGSI KETUA SEKTOR NCII, AKTA 854

05 |

Laksana Keputusan JKSN

Melaksanakan keputusan JKSN dan mana-mana arahan yang dikeluarkan di bawah Akta 854

06 |

Sedia Laporan Situasi

Menyediakan laporan situasi untuk Ketua Eksekutif ketika mana suatu ancaman atau insiden keselamatan siber telah memberi kesan terhadap NCII

07 |

Laksana Fungsi-fungsi lain

1. Melaksanakan apa-apa fungsi lain di bawah Akta 854
2. Pembangunan kepakaran
 - Penilaian risiko dan audit keselamatan siber; dan
 - Pengendalian insiden keselamatan siber
 - Simulasi serangan siber
 - Penilaian keselamatan siber

Tetapkan Entiti NCII | 01

Menetapkan suatu entiti NCII di bawah seksyen 17

SELESAI di peringkat
kementerian

Sedia Tataamalan | 02

Menyediakan suatu tataamalan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 25

FOKUS utama tahun 2025

Sedia Garis Panduan | 03

Menyediakan garis panduan berkenaan amalan terbaik pengurusan keselamatan siber

Pantau & Pastikan Tindakan & Kewajipan Entiti NCII | 04

1. Membuat penilaian risiko keselamatan siber dan audit
2. Melaksanakan pengendalian insiden keselamatan siber
3. Menubuhkan CSIRT dan pasukan penilaian keselamatan siber